



2 Mac 2012  
2 March 2012  
P.U. (A) 64

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PINDAAN) 2012

#### *CONTROL OF TOBACCO PRODUCT (AMENDMENT) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2012**.

**Pindaan subperaturan 11(1)**

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [*P.U. (A) 324/2004*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 11(1) dengan memotong perenggan (*f*).

**Pindaan peraturan 12**

3. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(*a*) dalam subperaturan (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “peraturan 11” perkataan “atau tuan punya atau penghuni mana-mana bangunan, premis atau tempat yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* di bawah peraturan 22”;

- (ii) dalam perenggan (*a*), dengan memasukkan selepas perkataan “kenderaan” perkataan “atau bangunan atau di mana-mana laluan masuk tempat”;

- (iii) dalam perenggan (*b*), dengan memasukkan selepas perkataan “kenderaan” perkataan “atau dalam bangunan atau tempat”; dan

(*b*) dalam subperaturan (4)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “penghuni premis,” perkataan “bangunan atau tempat,”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “di dalam premis” perkataan  
“, bangunan atau tempat”.

#### **Pindaan peraturan 21**

4. Peraturan 21 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Walau apa pun subperaturan (1), peraturan ini hendaklah tidak terpakai kepada mana-mana bangunan atau premis atau tempat yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* di bawah peraturan 22.”.

#### **Pindaan peraturan 22**

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 22 dengan peraturan yang berikut:

#### **“Menteri boleh melarang merokok dalam sesuatu bangunan ,premis atau tempat**

22. (1) Walau apa pun subperaturan 11(1), Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut, mengisytiharkan mana-mana bangunan atau premis, atau bahagian bangunan atau premis itu, atau sesuatu tempat atau bahagian tempat itu, yang orang awam mempunyai akses sebagai kawasan atau tempat yang dilarang merokok.

(2) Tiada seorang pun boleh merokok di dalam mana-mana bangunan, premis atau tempat yang disytiharkan oleh Menteri di bawah subperaturan (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun.”.

#### **Pindaan Jadual Ketiga**

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual yang berikut: